

## Pembantu rumah ada visa, permit kerja sah boleh kembali ke Malaysia

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan hanya membenarkan pembantu rumah yang mempunyai visa dan permit kerja yang sah untuk kembali ke Malaysia dengan syarat memohon melalui My Travel Pass.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kebenaran itu diberikan kepada pembantu rumah terkandas di kampung mereka akibat penutupan sempadan negara untuk kembali bekerja di Malaysia.

Bagaimanapun, kebenaran itu tetap tertakluk pada prosedur operasi standard (SOP) iaitu ujian saringan dan kuarantin.

“Setelah mendapat kebenaran, mereka perlu menjalani ujian saringan dan dikuarantin wajib mengikut SOP yang telah ditetapkan.

“Kos kuarantin perlu ditanggung oleh majikan masing-masing,” katanya pada Selasa.

Sementara itu, beliau berkata, permohonan baharu pembantu rumah pula dibenarkan untuk di proses, namun mereka hanya dibenarkan masuk ke dalam negara selepas pintu sempadan antarabangsa dibuka.

“Atas rayuan daripada Persatuan Agensi Pembantu Rumah Asing, kerajaan turut bersetuju untuk membenarkan agensi-agensi ini memproses permohonan pengambilan pembantu rumah kerana ia dijangka mengambil masa tiga hingga empat bulan,” katanya.